

Persatuan cadang pencen minimum RM500

BH 15 FEB 2000

KUALA LUMPUR, Isnin – Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia hari ini menggesa kerajaan menetapkan RM500 sebulan sebagai bayaran pencen minimum untuk pesara.

Selain itu, kerajaan juga diminta mempertimbangkan imbuhan tambahan kepada golongan berpendapatan rendah yang tidak mempunyai kepakaran profesional mendapatkan pekerjaan lain selepas bersara.

Setiausaha Agung Kehormatannya, Nordin Aphyandy Abu Bakar berkata, langkah itu perlu kerana sebahagian besar pesara kini berada dibawah paras kemiskinan dengan menikmati pencen antara RM250 hingga RM400 sebulan.

Beliau berkata, pihaknya yakin kerajaan akan memberi perhatian terhadap cadangan itu yang secara tidak langsung boleh mengurangkan bilangan rakyat miskin di negara ini.

Katanya, majoriti kakitangan yang bersara pada 1970 -an dan 1980 -an hanya menerima pencen yang kecil dan hidup di bawah garis kemiskinan walaupun sudah banyak berjasa kepada negara.

“Masalah bayaran yang terlalu rendah menjadi punca kebanyakan kakitangan berpencen menikmati bayaran antara RM250 hingga RM400 saja dan berada di bawah paras kemiskinan.

“Oleh itu, persatuan mahu kerajaan menetapkan bayaran minimum pencen kepada RM500 selain menyediakan imbuhan tahunan sebulan pencen supaya dapat membantu pesara khususnya yang berpendapatan rendah.” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Selain itu, Nordin meminta kerajaan supaya bertindak adil kepada semua pesara dengan memanjangkan pemberian bayaran istimewa RM600 kepada bekas Kumpulan Jawatan Utama Sektor Awam (Jusa).

Beliau berkata, walaupun kumpulan terbabit menjawat jawatan tinggi dan menerima gaji lebih banyak ketika berkhidmat, mereka kini hanyalah seorang pesara, sama seperti pesara lain.

Tambahan pula, katanya, kumpulan itu hanya mewakili dua peratus atau 500 orang daripada sejumlah 300,000 pesara di seluruh negara dan membabitkan tambahan RM300,000 jika kerajaan bersetuju memberi imbuhan itu kepada mereka.

“Persatuan sudah menghantar surat rayuan berhubung perkara ini kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya mempertimbangkan pemberian imbuhan kepada golongan terbabit.” katanya.